



**TEKS UCAPAN**  
**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI**  
**KETUA MENTERI MELAKA**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PERASMIAN IBU PEJABAT JABATAN BOMBA**  
**DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI MELAKA**

**TARIKH:8 FEBRUARI 2022 (SELASA), JAM:10.00 PAGI**  
**DI IBU PEJABAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT**  
**MALAYSIA NEGERI MELAKA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam  
Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat  
Bahagia, Menggamit Dunia.

Kehadapan Yang Dikasihi;

Tuan Yang Terutama, Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka;

1. Saya dan semua yang hadir pada pagi ini serta seluruh Pegawai Bomba merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam di atas kesudian hadir dan seterusnya akan menyempurnakan perasmian Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka sebentar lagi.

***Rimbun Subur Sepohon Jati,  
Tempat Bermain Si Tuan Puteri,  
Kehadiran Tun Amat Bererti,  
Menjadikan Majlis Bertambah Seri.***

2. Sesungguhnya kehadiran Tuan Yang Terutama Tun di majlis ini telah membuka satu lagi catatan sejarah di Negeri Melaka dan membawa makna serta pengertian besar kepada kami. Perhatian Tuan Yang Terutama Tun, dalam hal ehwal pentadbiran negeri khususnya di dalam pencegahan dan penjagaan

keselamatan amat membanggakan kami seluruh rakyat Negeri Melaka.

3. Semoga dengan kesudian Tuan Yang Terutama Tun hadir di majlis ini akan menyemarakkan lagi semangat pegawai bomba untuk bekerja lebih berdisplin dan gigih dalam menjalankan tugas.

Tuan Yang Terutama Tun, saya memohon izin untuk menyampaikan ucapan kepada dif-dif jemputan serta para hadirin di majlis yang berbahagia ini.

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis,

YB Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican,  
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan;

YB Datuk Wira Ibrahim bin Durum,  
Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka;

YB Datuk Zaidi bin Johari,  
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;

YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;  
YB Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Melaka;

Yang Amat Setia Dato' Sri Ts. Mohammad Hamdan bin Hj Wahid,  
Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;

Yang Setia Tuan Abu Bakar bin Katain,  
Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
Negeri Melaka;

Ketua-ketua Jabatan Peringkat Negeri dan Persekutuan;

Datuk-datuk, Dif-dif Jemputan, Tuan-tuan, Puan-puan serta hadirin yang dihormati sekalian.

4. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya juga, kita dapat berkumpul pada pagi ini sempena **Majlis Perasmian Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka.**

5. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta rombongan kerana sudi menjemput saya pada majlis yang penuh bermakna ini.

***Menggamit dunia selamat datang,***

***Bunga Negeri Kesidang mewangi,***

***Dari Putrajaya YB dan rombongan datang,***

***Kami di Melaka sedia menanti.***

6. Saya percaya, kehadiran kita pada program pagi ini bukannya berlaku secara tiba-tiba, tetapi ia hasil usaha dan iltizam daripada segenap kepimpinan jawatankuasa program yang telah merancang begitu teliti dari mula ibu pejabat ini dirancang, didirikan sehingga siap terbina.

Tuan-tuan, Puan-puan dan para hadirin sekalian,

7. Kemalangan boleh berlaku di mana sahaja kita berada. Bak kata pepatah “**malang tidak berbau**”.

Menyedari hakikat ini, Negeri Melaka mempunyai **satu (1) ibu pejabat** dan **sebelas (11) buah balai bomba** yang telah dibina. Ini adalah bagi memastikan kesejahteraan dan kemakmuran akan terus dinikmati oleh rakyat di negeri ini.

8. Hari ini, peranan perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan semakin penting mencakupi pelbagai aspek demi menjamin kemajuan dan pembangunan sesebuah negara, di samping memastikan kehidupan masyarakat dan persekitarannya berada di suatu tahap yang meyakinkan.

9. Dalam konteks menentukan keselamatan akibat kebakaran atau sesuatu bencana yang berlaku di negeri ini, saya percaya dengan kewujudan ibu pejabat ini, pengurusan dan pentadbiran balai-balai di dalam Negeri Melaka lebih sistematik dan dapat diselaraskan.
  
10. Pada kesempatan ini, saya menyeru kepada semua pihak supaya sentiasa bekerjasama dan memberi sokongan kepada pegawai bomba untuk memudahkan mereka melaksanakan tugas.

Misalnya, jika berlaku pelanggaran undang-undang atau peraturan yang dikuatkuasa oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, maka perkara itu harus dilaporkan.

11. Kita mahu tindakan sewajarnya dapat diambil demi menjamin keselamatan apabila berlaku kebakaran di premis-premis tersebut. Dalam erti kata lain, penghapusan bahaya kebakaran dapat dikuatkuasakan dengan serta merta. Keprihatinan semua pasti dapat membantu Jabatan Bomba dan

Penyelamat Malaysia untuk mengurangkan risiko dan juga statistik kebakaran.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

12. Sekali lagi terima kasih saya ucapkan atas perhatian dan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sehingga terbinanya Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka ini.

13. Kepada semua pegawai bomba yang sentiasa berkhidmat dengan baik kepada masyarakat, saya mewakili Kerajaan Negeri dan seluruh rakyat Melaka mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas pengorbanan sebagai barisan *frontliners* yang tidak pernah mengenal erti penat dan lelah sehingga keselamatan diri menjadi taruhan demi kesihatan dan kepentingan rakyat. Sesungguhnya anda semua adalah wira kami dan wira negara!

14. Dengan terbinanya ibu pejabat baharu ini, saya berharap semoga kualiti perkhidmatan dapat dipertingkatkan demi kepuasan dan kepentingan pelanggan. Tanggungjawab yang disandang adalah amanah dan kewajipan yang perlu dilaksanakan dengan dedikasi dan berintegriti. Besar harapan saya agar seluruh Pegawai Bomba Dan Penyelamat Malaysia, dapat menjalankan tugas dengan penuh disiplin dan amanah.

Kehadapan Yang Dikasihi;

Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka,

Demikianlah ucapan saya pada majlis kali ini. Saya, para pimpinan negeri dan seluruh rakyat Melaka memohon setinggi doa dan kesejahteraan,

15. Semoga **Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri dan seisi keluarga** dikurniakan keberkatan, keampunan dan kejayaan berterusan, daripada

Tuhan yang Maha Agung lagi Maha Perkasa, yakni Allah S.W.T. Insya-Allah!

16. Saya juga mendoakan semoga majlis kita pada pagi ini dirahmati-Nya dan perpisahan kita pada petang ini dilindungi-Nya juga.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.